



KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	KOSMO			
TARIKH	:	4/9/2021 (SABTU)	MUKA SURAT	:	9
JABATAN	:	-			

Kosmo, 4/9/2021 m/s 9

Penduduk bimbang aliran puing kali kedua

YAN – Kejadian aliran puing yang membawa arus deras kali kedua sehingga mengakibatkan Sungai Titi Hayun melimpah ekoran hujan lebat di puncak Gunung Jerai kelmarin mencetuskan kebimbangan penduduk setempat.

Walaupun arus kali ini tidak lagi membawa bersama balak dan batu besar, namun perubahan warna air yang keruh membuatkan penduduk beberapa buah kampung sekitar kaki gunung itu masih rasa terancam.

Rata-rata mereka yang ditemui berkata, hujan lebat pada pagi kelmarin telah menyebabkan beberapa anak sungai berdekatan rumah mereka kembali dinaiki air sehingga melepasi tebing.

Penduduk Kampung Acheh, Yusuf Ayub, 58, berkata, sejak kejadian aliran puing pada 18 Ogos lalu, dia berharap tiada lagi kejadian membabitkan kepala air berlaku.

“Trauma, bimbang keselamatan nyawa dan harta masih belum hilang sepenuhnya dan hari ini (kelmarin) kami sekali lagi dihantui ketakutan kerana arus deras kembali memenuhi sungai.

“Tambahan lagi keadaan cuaca yang mendung dan hujan sekarang, banyak kemungkinan boleh berlaku dan ini memang menakutkan,” katanya.

Kejadian arus deras yang terjadi kelmarin turut dianggap Rohani Din, 61, daripada Kampung Jawa sebagai satu lagi mimpi ngeri yang terpaksa diterima penduduk di kaki Gunung Jerai.

“Kami penduduk berada dalam keadaan ketakutan apabila hujan mula lebat pagi itu yang menyebabkan paras air sungai naik secara mendadak.

“Takut kejadian sama berulang saya segera arahkan anak-anak berkemas dan berada di kawasan selamat,” ujarnya.



KEADAAN air Sungai Titi Hayun yang melimpah selepas hujan berpanjangan di Kampung Acheh, Yan pagi kelmarin.

